

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1. BIDANG KAJIAN

Kesusasteraan Melayu klasik merupakan suatu bidang yang luas dan kaya dengan pelbagai khazanah. Minat para pengkaji terhadap bidang ini amat ketara sejak zaman kolonial oleh para sarjana Eropah dan sehingga kini oleh para sarjana tempatan sendiri. Kesusasteraan Melayu klasik merangkumi semua fenomena penggunaan bahasa sama ada secara kreatif ataupun tidak<sup>1</sup>. Dalam kata lain sastera Melayu klasik merangkumi sastera lisan dan juga sastera tulisan sama ada yang berbentuk cereka maupun bukan cereka.

Salah satu bidang di dalam kesusasteraan Melayu klasik yang sering mendapat perhatian para sarjana ialah sastera Panji. Cerita Panji dikatakan bermula di Jawa semasa kegembilangan kerajaan Erlangga dan mencapai kemuncaknya semasa zaman keagungan Majapahit. Melalui pelbagai media seperti wayang gedog, perluasan empayar; perdagangan dan seumpamanya cerita-cerita Panji dibawa keluar dari tanah Jawa dan disebarluaskan ke serata pelusuk Nusantara.

---

<sup>1</sup> lihat Ismail Hussein. 1974 "The Study of Traditional Malay Literature With Selected Bibliography" DBP.K.L.hal.9

Oleh itu tidak hairanlah sekiranya terdapat pelbagai jenis cerita yang diklasifikasikan sebagai cerita Panji, umpamanya cerita Panji Melayu, Siam dan Kemboja. Kajian ini dilakukan untuk melihat sejauhmana kehadiran kesusasteraan Jawa-Panji memberi kesan ke atas cereka-cereka Melayu klasik lainnya. Unsur tersebut dikaji dengan mengambil beberapa teks dari pelbagai genre sastera seperti lipurlara, epik, sastera sejarah, syair dan sastera hikayat. Kesan kesusasteraan Jawa-Panji terhadap kepengarangan Melayu juga dilihat pada bab ketiga. Ini dilakukan untuk memperlihatkan kepelbagaiannya fungsi kehadiran pengaruh tersebut dalam era perkembangan kesusasteraan Melayu klasik.

## **1.2. TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN**

Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh sastera Jawa-Panji yang memainkan peranan penting terhadap perkembangan kesusasteraan Melayu klasik. Bagi tujuan penyelidikan beberapa buah teks dari khazanah kesusasteraan Melayu klasik dikaji dan dianalisis dari segi struktural; iaitu tema, plot, watak-perwatakan dan unsur lainnya untuk dibandingkan dengan struktur cerita-cerita Panji. Analisis perbandingan kedua-dua bidang sastera ini diharap dapat menghasilkan beberapa rumusan penting mengenai fungsi dan kesan sastera Panji di dalam kesusasteraan Melayu klasik.

Bidang sastera Melayu klasik umumnya, dan sastera Panji khasnya, kini semakin kurang mendapat perhatian yang wajar daripada para sarjana. Ini tergambar dengan jelas dari jumlah pelajar yang membuat pengkhususan di dalam bidang sastera Melayu klasik di peringkat ijazah pertama dan juga bagi peringkat ijazah tinggi. Umpamanya di Jabatan Pengajian Melayu dari tahun-tahun 1960an sehingga 1993 hanya terdapat 42 buah judul latihan ilmiah, 10 buah judul disertasi di peringkat ijazah sarjana dan hanya 2 buah judul untuk ijazah kedoktoran. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh perkembangan teori-teori sastera moden yang lebih menarik. Kedua, sifat dalaman sastera Melayu klasik sendiri yang statik dan 'stereotype' terutama dari segi tema, perlukisan watak dan seumpamanya menyebabkan bidang ini seolah-olah semakin dijauhi. Ada di kalangan sarjana menganggap bahawa kesusasteraan moden adalah lebih mencabar dan hidup. Apatah lagi untuk mengkaji dan mendalami bidang kesusasteraan Melayu klasik memerlukan pengkaji membaca tulisan jawi sama ada yang ditulis tangan mahupun yang telah dicetak. Jadi kajian ini diharap dapat menambah jumlah bilangana kajian yang sedia ada khasnya di dalam bidang sastera Melayu klasik.

Unsur-unsur jati diri dan kekreatifan pengarang-pengarang Melayu tradisi sering menjadi persoalan para sarjana awal. Kebanyakan mereka<sup>2</sup> menganggap pengarang Melayu sebagai penciplak kerana sering memasukkan unsur-unsur asing ke dalam karya. Dalam hal ini pengkaji muhu membuktikan bahawa andaian tersebut adalah tidak tepat malah kehadiran unsur asing tersebut (khasnya cerita Panji dalam kajian ini) dibuat mengikut aturan yang telah ditetapkan

<sup>2</sup>.lihat Winstedt (1991); Overbeck (1932) dll.

oleh masyarakat. Kajian ini juga bertujuan memperlihatkan perubahan fungsi unsur-unsur Jawa-Panji di dalam karya sastera Melayu klasik daripada peranan asalnya.

Sepanjang perkembangannya, kajian-kajian kesusasteraan yang dilakukan ke atas bidang ini masih lagi menggunakan teori-teori klasik seperti filologi. Umpamanya kajian-kajian yang dilakukan oleh Abd. Rahman Kaeh (**Panji Narawangsa; HMTJK**), A.Teeuw (**Syair Ken Tambuhan**) dan S.O Robson (**HAP**). Oleh itu, pengkaji ingin cuba mengubah arah kajian dengan mengambil teori-teori kesusasteraan moden dan menerapkannya dalam kajian sastera klasik ini. Seterusnya kajian ini juga diharap dapat menjadi perintis kepada kajian-kajian seumpamanya yang lebih besar di masa hadapan.

### 1.3. RUANG LINGKUP KAJIAN.

Pada dasarnya kajian ini meliputi lima bab. Bab pertama dimulakan dengan membicarakan bidang kajian, tujuan dan kepentingan kajian, ruang lingkup dan batasan kajian, pemilihan teks-teks, bahan serta kaedah dan langkah-langkah kajian. Disamping itu, turut dilihat dan diteliti kajian-kajian yang telah dilakukan oleh para sarjana terdahulu di dalam bidang sastera Panji ini. Tumpuan diberikan kepada minat dan bentuk-bentuk kajian yang dijalankan oleh mereka.

Di dalam Bab II, perhatian ditumpukan untuk melihat pengertian cerita-cerita Panji seperti yang pernah dibicarakan oleh beberapa orang sarjana penting. Pada bab ini juga dibincangkan tentang ciri-ciri umum cerita Panji yang

membezakannya daripada genre cereka kesusasteraan Melayu klasik lain sebagai suatu bentuk cerita yang tersendiri. Penulis juga membicarakan tentang persamaan dan perbezaan cerita-cerita Panji Melayu, Siam, Kemboja dan Panji Jawa. Seterusnya pada bahagian akhir bab ini pula disentuh tentang penciptaan dan perkembangan cerita Panji di Nusantara.

Sementara di dalam bab III pula penulis menyentuh tentang sistem serta nilai-nilai dalam masyarakat yang telah membentuk cara penulisan pengarang-pengarang Melayu. Bab ini penting kerana seseorang pengkaji kesusasteraan Melayu mesti memahami sistem nilai masyarakat yang telah membentuk corak dan identiti kepengarangan Melayu khasnya bagi masyarakat Melayu tradisi. Perbincangan dalam bab ini juga dapat membantu pemahaman mengenai penyerapan unsur-unsur asing yang hadir di dalam kesusasteraan Melayu klasik.

Seterusnya Bab IV merupakan bab yang terpanjang dan terpenting di dalam kajian ini. Di sini pengkaji meneliti dan menganalisis teks-teks yang dipilih dari khazanah pelbagai genre kesusasteraan Melayu klasik. Tujuan penelitian dan penganalisaan pada bab ini adalah untuk melihat kehadiran unsur-unsur cerita-cerita Panji di dalam teks-teks tersebut. Ia diharap dapat dijadikan teras bagi membina suatu rumusan baru untuk menghurai mengenai perkembangan kesusasteraan Melayu.

Di dalam bab V pula, pengkaji membuat rumusan hasil penelitian dan penganalisaan yang telah dijalankan pada bab-bab sebelumnya. Penekanan rumusan ditumpukan kepada fungsi, kesan dan bentuk-bentuk pewarnaan sastera Panji yang hadir dan terpancar di dalam cereka Melayu klasik.

#### 1.4. PEMILIHAN TEKS-TEKS KAJIAN.

Secara umumnya kajian ini tidak memegang kepada mana-mana teks cerita Panji yang tertentu. Namun begitu, sebagai dasar dan landasan perbandingan pengkaji menggunakan **Hikayat Misa Taman Jayeng Kusuma** (HMTJK) yang diselenggarakan oleh Abd. Rahman Kaeh dan telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. Pemilihan teks ini dibuat adalah kerana teks ini telah ditransliterasi dengan baik dan telah diterbitkan. Ia juga didapati lengkap dan mengandungi kesemua ciri umum cerita Panji bagi membolehkan penelitian dan penganalisaan dijalankan. Namun begitu bagi tujuan perbandingan yang lebih mendalam dan bermakna, pengkaji akan juga merujuk kepada teks-teks lain yang berkaitan sama ada yang telah ditransliterasikan seperti **Hikayat Panji Semirang** (HPS)<sup>3</sup>, **Hikayat Andaken Penurat** (HAP)<sup>4</sup>, **Syair Ken Tambuhan** (SKT)<sup>5</sup> dan juga yang belum diselenggarakan seperti **Hikayat Indera Nata** (HIN) dan **Hikayat Naya Kesuma** (HNK).

<sup>3</sup> .Noriah Mohamed. 1992. **Hikayat Panji Semirang**. DBP.KL.

<sup>4</sup> .S.O Robson.1969. **Hikayat Andaken Penurat**. KitLV.  
Martinus Nijhoff.

<sup>5</sup> .A. Teeuw. 1966. **Shair Ken Tambuhan**. DBP.KL.

Daripada khazanah kesusasteraan Melayu klasik pula, beberapa teks telah dipilih. Teks-teks ini dipilih mengikut beberapa kriteria tertentu. Pertama ia adalah sebuah teks naratif dan pembacaan awal ke atas teks-teks tersebut menunjukkan adanya persamaan dan juga terdapat pengaruh cerita Jawa-Panji di dalamnya. Seterusnya teks-teks tersebut di pilih bagi mewakili genre dan zaman yang tertentu. Teks-teks tersebut ialah:-

- i) Sejarah Melayu - Sastera Sejarah
- ii) Hikayat Hang Tuah - - Sastera Epik
- iii) Syair Agung }
- iv) Syair Cendawan Putih } Syair
- v) Syair Dandan Setia } Naratif
  
- vi) Cerita Sulung Jawa }Sastera
- vii) Hikayat Malim Deman } Rakyat
  
- viii) Hikayat Lang-lang Buana } Sastera
- ix) Hikayat Inderaputra } Hikayat
  
- x) Syair Siti Zubaidah } Sastera Melayu
- Perang Cina } dengan Resapan
- Islam

## 1.5. KAEDEAH DAN LANGKAH KAJIAN.

Kajian ini akan ditumpukan kepada perbandingan teks di antara cerita-cerita Panji dan cereka-cereka Melayu klasik dengan menggunakan kaedah-kaedah berikut:-

- i) Resensi Kepustakaan
- ii) Kaedah Analisis-Perbandingan

### **1.5.1. Resensi Kepustakaan**

Langkah pertama yang diambil oleh pengkaji ialah mengumpulkan terlebih dahulu bibliografi dan bahan-bahan berkaitan. Resensi Kepustakaan atau 'literature review' dijalankan bagi mendapatkan gambaran mutakhir tentang kajian-kajian yang telah dijalankan oleh sarjana terdahulu yang berkaitan dengan bidang ini. Ia bertujuan mencari gambaran awal dan melihat minat serta tumpuan atau penekanan para sarjana di dalam bidang ini. Diharap dengan adanya resensi seperti ini pengkaji dapat memecah persoalan-persoalan yang pernah timbul serta dapat pula menghasilkan rumusan-rumusan baru mengenai persoalan tersebut.

### **1.5.2. Kaedah Analisis Perbandingan**

Setelah pengumpulan bahan dan resensi kepustakaan dibuat, pengkajian dijalankan dengan menganalisis teks-teks yang dipilih secara struktural. Penganalisaan dan perbandingan dijalankan dari aspek-aspek pembinaan cereka iaitu tema, plot, watak-perwatakan, gaya bahasa dan juga latar. Setiap fakta yang ditemui mempunyai pewarnaan cerita Panji dibandingkan dengan struktur cerita Panji yang dijadikan landasan kajian. Seterusnya perbandingan diharap dapat mencapai matlamat dan tujuan kajian ini iaitu untuk melihat sejauhmana wujudnya pengasimilasian cerita-cerita Panji ke dalam sastera Melayu.

### 1.5.3. Kajian-Kajian Terdahulu

Kajian-kajian terhadap kesusasteraan Melayu klasik tidak bermula terlalu awal walaupun orang Barat telah tiba dan menguasai Nusantara pada awal abad ke 16M. Usaha-usaha yang paling awal hanyalah merupakan pengumpulan naskah Melayu yang dibawa pulang dan disimpan di Barat.

Tradisi pengkajian kesusasteraan Melayu klasik memang dimulakan oleh para sarjana dari Barat. Begitu juga kajian terhadap kesusasteraan Jawa-Panji. Ia bermula bukanlah dengan pendekatan kesusasteraan tetapi kajian-kajian tersebut adalah berlandaskan pendekatan antropologi dan juga sejarah. Ini dilakukan kebanyakannya oleh pentadbir-pentadbir Barat dengan tujuan untuk memahami pemikiran dan kebudayaan masyarakat Nusantara. Naskah cerita Panji yang pertama telah disebut oleh seorang mubaligh Belanda dalam bukunya **Oud en Nieuw Oost-Indien** (1726)<sup>6</sup> iaitu **Misa Gomintar (Misa Kumintar)**. Berikutnya dalam tahun 1736, Werndly<sup>7</sup> telah menyebut beberapa naskah cerita Panji di dalam catatannya yang diantaranya ialah:

1. Hikayat Raja Kuripan
2. Hikayat Raja Tambak Baya
3. Hikayat Rangga Rari
4. Hikayat Misa Taman

<sup>6</sup> .lihat Valentijn.F.1726.**Oud en Nieuw Oost-Indien**  
(vol.v).Dordrecht.Amsterdam

<sup>7</sup> .lihat Werndly G.H. 1736. **Maleische Spraakkunst: Uit De Eige Schriften der Maleiers**, Gedrukt by R.en.G. Wetstein, Amsterdam.hal.343-357

5. Hikayat Carang Kulina
6. Hikayat Wila Kesuma
7. Hikayat Misa Kumintar

Kemudian Raffles dalam kajiannya terhadap sejarah Jawa<sup>8</sup> (1817) dan Hageman dalam bukunya **Algemeene Geschiedenis van Java**<sup>9</sup> juga ada menyebut tentang cerita-cerita Panji.

Secara umumnya, bagi meneliti kajian-kajian yang telah dilakukan oleh sarjana yang terdahulu, dapat dibahagikan kepada dua bentuk yang utama:

1. Kajian mengenai teori sastera Panji
2. Kajian kesusasteraan terhadap teks-teks Panji

#### **1.5.3(i)Kajian Mengenai Teori Cerita Panji**

Di dalam bidang pembinaan teori cerita Panji terdapat pelbagai cabang tumpuan kajian. Misalnya penelitian bagi menentukan ciri-ciri yang autentik bagi cerita-cerita Panji yang membezakannya dari cerita-cerita bukan Panji. Atau kajian-kajian tentang tarikh sebenar penciptaannya; hubungan penciptaan cerita Panji dengan sejarah dan budaya masyarakat Jawa serta teori-teori perkembangannya ke daerah-daerah Nusantara.

---

<sup>8</sup> .Raffles 1817. **The History of Java**. Black, Parbury and Allen

<sup>9</sup> .Hageman.1849 “Algemeene Geschiedenis Van Java”, dalam **Indisch Archief** (jil.1)

Para sarjana kesusasteraan Jawa sehingga kini masih belum dapat menggariskan suatu definisi yang tepat mengenai cerita-cerita Panji. Adalah amat sukar untuk menyatakan satu-satu unsur yang tertentu itu dapat membezakan ciri-ciri Panji dan bukan Panji; sedangkan unsur tersebut jika dikaji dengan mendalam merupakan suatu unsur atau ciri yang bersifat universal. Misalnya motif percintaan dan pengembalaan yang dikatakan merupakan ciri yang dominan bagi cerita Panji. Ciri ini juga kelihatan menjadi suatu unsur yang kukuh di dalam cerita-cerita lipurlara Melayu, cerita hikayat dari Burma, Kemboja dan sebagainya. Unsur percintaan bukanlah milik sesebuah kesusasteraan tertentu semata-mata kerana ia merupakan suatu unsur yang sejagat.

Terdapat perbezaan pendapat di kalangan para sarjana di dalam mendefinisikan cerita-cerita Panji. A. Teeuw misalnya semasa membuat kajian naskah **Shair Ken Tambuhan** menyatakan cerita Panji sebagai;

"...yang semua berpusatkan Sang Panji, putera Koripan yang ada sifat sejarahnya tetapi tidak kurang 'mythology'nya. Pokok utama segala cerita Panji ialah Panji yang berkelana mencari kekasihnya, pasangannya yang bernama Chandra Kirana, Puteri Daha yang hilang atau menyamarluarkan diri dan menjelma sebagai orang lain. Selama ia berkelana Panji mengalami bermacam-macam peristiwa."<sup>10</sup>

---

<sup>10</sup> .A. Teeuw; op.cit; hal.xv.

Salah satu sebab mengapa terdapatnya perbezaan pendapat di kalangan para sarjana mengenai definisi cerita Panji adalah kerana perbezaan sudut pengkajian masing-masing. Misalnya J.J. Ras yang melihat dari sudut motif penceritaan. Sementara Poerbatjaraka dan A. Teeuw pula melihat dari sudut struktur penceritaannya.

Sarjana-sarjana tempatan seperti Abd. Rahman Kaeh dan Harun Mat Piah pula telah menggunakan ciri-ciri umum yang ditemui di dalam cerita Panji seperti asal usul raja-raja Jawa, para ratu berkaul kerana inginkan anak, penjelmaan para dewa, episod pengembalaan, penyamaran dan pertukaran nama, unsur-unsur pewayangan, Panji atau Galuh jatuh sakit, babak-babak peperangan serta pertemuan akhir dan pembayaran kaul.

Rassers dalam disertasinya, *De Pandji Roman*<sup>11</sup> telah menggunakan naskah HCWP sebagai bahan kajian. Beliau telah berjaya menghasilkan satu garis kasar untuk meneliti keseluruhan cerita Panji. Usaha Rassers menganalisis teks tersebut dengan menggunakan kaedah struktural telah dianggap oleh A.Teeuw sebagai orang pertama yang menerapkan kaedah kesusasteraan tersebut terhadap karya sastera Melayu klasik. Namun begitu usaha beliau ini bukanlah bercorak kesusasteraan sepenuhnya kerana kajian beliau ini lebih merupakan sebuah penyelidikan yang bersifat antropologi.

---

<sup>11</sup> W.H Rassers 1922. *De Pandji Roman*. Boekdrukkerij. Antewerpen

Oleh itu tidak hairanlah sekiranya beliau membuat kesimpulan bahawa cerita Panji tercipta berdasarkan kepercayaan dan mitologi masyarakat Jawa Kuno. Bahkan beliau menyamakannya dengan kepercayaan masyarakat Yunani tentang peredaran bulan dan matahari yang dianggapnya sama seperti pengembalaan Raden Inu yang panjang untuk mencari Raden Galuh. Ringkasnya beliau lebih menumpukan perhatian secara struktural ke atas cerita-cerita Panji di samping melihat fungsi cerita itu di dalam kebudayaan masyarakat Jawa Kuno yang melahirkannya.

Penyelidikan yang boleh dianggap terpenting dalam bidang pembinaan teori ialah kajian yang dilakukan oleh Poerbatjaraka (1940)<sup>12</sup>. Kajian beliau yang merupakan perbandingan di antara lapan buah naskah cerita Panji Melayu, Thai dan Kemboja ini telah memberikan suatu rumusan dan dasar pengertian cerita Panji. Malah kajian beliau menjadi satu rujukan wajib bagi sarjana-sarjana terkemudian sehingga kini. Beliau telah menghuraikan cerita Panji melalui alur khas ceritanya iaitu;

"...mengisahkan tentang empat orang ratu bersaudara di Jawa. Yang tua menjadi ratu di Kuripan (Keling atau Jenggala), yang tengah menjadi Ratu di Daha (Kediri), yang berikutnya di Gagelang dan yang terakhir menjadi ratu di Singasari."<sup>13</sup>

---

<sup>12</sup> Poerbatjaraka (terj. Zuber Usman & H.B Jassin). 1968.  
**Tjerita Pandji Dalam Perbandingan.** Gunung Agung.  
Jakarta.

<sup>13</sup> ibid. hal 370-371

Ratu Kuripan dikatakan mempunyai dua orang anak lelaki. Putera sulungnya adalah anak baginda dengan Mahadewi sementara anak keduanya (Raden Inu) adalah putera baginda dengan Permaisuri.

Raden Galuh pula merupakan puteri kepada Ratu Daha. Mereka (Galuh dan Inu) telah ditunangkan sejak kecil. Suatu hari, Raden Inu yang pergi berburu bersama kawan-kawannya telah bertemu dengan seorang gadis jelita lalu jatuh cinta. Permaisuri yang tidak bersetuju dengan perhubungan itu telah membunuh gadis tersebut menyebabkan Inu merajuk lalu meninggalkan istana.

Sementara itu Raden Galuh juga telah meninggalkan istana di atas kehendak para Dewa. Di dalam pengembalaan inilah Inu dan Galuh bertemu setelah menghadapi pelbagai rintangan. Raden Inu jatuh cinta kepada Raden Galuh kerana wajahnya yang mirip kepada wajah kekasihnya yang pertama.

Abd. Rahman Kaeh di dalam tesis kedoktorannya<sup>14</sup> , walau bagaimanapun kurang bersetuju dengan alur khas Poerbatjaraka ini kerana 'alur khas' ini tidak dapat menetapi bagi semua cerita Panji. Ada cerita Panji yang tidak mempunyai unsur Angreni<sup>15</sup> . Sesetengah cerita Panji pula tidak menyebut keempat-

---

<sup>14</sup> Abd. Rahman Kaeh. 1989. **Panji Narawangsa**. DBP.KL.

<sup>15</sup> unsur ini menyebutkan bahawa Panji telah jatuh cinta pertama kali terhadap seorang wanita lain dan bukannya kepada Galuh. Hanya setelah 'Angreni' mati atau hilang Panji bertemu dengan Galuh lalu jatuh cinta kepadanya.

empat negeri tersebut. Beliau juga menolak gagasan Rassers bahawa cerita Panji mengisahkan tentang keputusasaan seorang anak raja kerana kehilangan kekasihnya lalu keluar mengembara. Mereka akhirnya ditemukan dalam suasana yang harmoni.

Bagi Abd. Rahman Kaeh alasan ini belum cukup kukuh kerana di dalam cerita-cerita saduran dari epik-epik Hindu seperti **Hikayat Seri Rama** dan **HPL** juga mempunyai motif dan jalan cerita yang sama. Namun begitu cerita tersebut tidak dapat dianggap sebagai cerita Panji. Oleh kerana itu beliau cuba mengidentifikasi cerita Panji melalui ciri-ciri lain seperti nama-nama pelaku, latar tempat, unsur dan peranan dewa, watak-watak yang sentiasa bertukar nama, unsur penjelmaan serta inkarnasi<sup>16</sup>.

S.O Robson semasa membuat kajian ke atas naskah **Wangbang Wideya** (1971)<sup>17</sup> menolak gagasan-gagasan oleh para sarjana sebelumnya tentang pengertian 'siklus' dalam cerita Panji. Beliau juga telah menolak pandangan historis (Poerbatjaraka) dan etnologis (Rassers) sebagai dasar pengkajian cerita Panji. Beliau lebih mengutamakan pendekatan kesusasteraan kerana dianggapnya lebih sesuai untuk mendekati dan mendalami cerita Panji.

---

<sup>16</sup> op.cit.hal.23

<sup>17</sup> S.O Robson. 1971. **Wangbang Wideya: A Javanese Panji Romance**. The Hague. Martinus Nijhoff.

Pandangan beliau ini telah dikritik oleh Abd. Rahman Kaeh yang berpendapat bahawa pendekatan kesusasteraan memang sesuai untuk mengkaji cerita Panji kerana ia merupakan karya kreatif imaginatif. Namun begitu pendekatan-pendekatan etnologis dan historis seperti yang diutarakan oleh Poerbatjaraka dan Rassers ini juga tidak dapat ditolak begitu sahaja. Kajian-kajian yang menggunakan pendekatan ini penting sebagai bahan bantu untuk meletakkan cerita Panji pada tempat yang sewajarnya.

Satu lagi percubaan untuk merumuskan teori cerita Panji ialah kajian yang dibuat oleh Harun Mat Piah<sup>18</sup>. Di dalam kajianinya, beliau telah menggunakan sepuluh buah naskah cerita Panji Melayu. Kajian ini dilakukan oleh beliau untuk mencari satu teori baru tentang cerita Panji Melayu. Di dalam penelitiannya, Harun Mat Piah telah menggunakan babak-babak tertentu seperti asal-usul keturunan raja-raja Jawa, babak para ratu berkaul untuk mendapatkan anak, penjelmaan para dewa, peristiwa yang menyebabkan pengembalaan Panji, pembunuhan kekasih Panji, babak sayembara, penyamaran, pewayangan, peperangan, Galuh atau Panji jatuh sakit dan pertemuan akhir serta pembayaran kaul. Beliau juga telah cuba memberikan perbezaan-perbezaan di antara cerita Panji Melayu dan cerita Panji Jawa. Selain pembahagian yang telah dibuat oleh para sarjana terdahulu dan unsur bahasa, beliau juga memasukkan unsur-unsur tempatan (Melayu) yang terdapat di dalam cerita Panji Melayu untuk membezakan di antara keduanya.

---

<sup>18</sup>.lihat Harun Mat Piah.1980.**Cerita-cerita Panji Melayu.** DBP.KL.

Selain kajian-kajian untuk menentukan tarikh penciptaan cerita Panji, faktor-faktor penyebarannya juga menjadi topik yang sering dibahaskan. C.C. Berg misalnya menyebut tahun 1227M sebagai tahun permulaan penyebaran cerita itu ke luar dari tanah Jawa dan tahun 1400M pula dianggap sebagai tahun berakhirnya penyebaran tersebut. Berg juga menyatakan bahawa cerita Panji tersebar kerana terdesak oleh pendukung Hindu dan di Bali ia dapat berkembang dengan bebas.<sup>19</sup>

W.H.M. Schadee dalam bukunya, *Geschiedenis Van Sumatra's Oostkust* pula menyebut;

"Hunne schepen richtten den steven naar Atjeh, waar zij reeds in het einde der 4de eeuw handel dreven en naar Java, waar zij groten invloed verwierven, zoodat reeds in de 6de eeuw Hindoe-Javaansche rijken bestonden en in de 9de eeuw het eenmaal zoo machtige rijk van Modjopahit door hen werd gesticht...De Javanen waren in die tijden stoute zeevaarders en de Hindoe -Javaansche invloed breidde zich van Modjopahit uit over Palembang en Djambi (12de eeuw) en drong van hier door in Midden Sumatra en tot het schiereiland Malaka (13de eeuw)<sup>20</sup>

Pendapat beliau bahawa pengaruh Jawa tersebar di zaman kerajaan Majapahit melalui Palembang dan Jambi pada abad yang ke 12M dan sampai ke Sumatera hingga ke Melaka pada abad ke 13M. Ini berbeza daripada pendapat Berg

<sup>19</sup> . C.C. Berg.1928.*Kidung Sundayana*. De Bliksem. Soekarta,hal. 65

<sup>20</sup> . Schadee W.H.M.1918.*Geschiedenis Van Sumatra's Oostkust(deel.1)* Oostkust Van Sumatra- Instituut.Amsterdam,hal.1

yang telah meletakkan tarikh penyebaran keluar cerita Panji di antara 1300M - 1400M. Namun begitu pendapat beliau ini telah ditolak oleh Poerbatjaraka kerana tarikh tersebut dianggapnya terlalu awal.

Pada pendapat Poerbatjaraka; ketika itu orang telah masih dapat mengingati sejarah. Pengarang-pengarang cerita Panji berkemungkinan telah menulis cerita Panji selepas zaman kerajaan-kerajaan tersebut dan ingatan mereka terhadap sejarah telah samar-samar.<sup>21</sup> Ini diperkuatkan lagi oleh beliau dengan memberikan faktor bahasa sebagai alasan kepada andaianya itu. Cerita Panji menurut beliau terdapat di dalam bahasa Jawa Tengahan, bukan dalam bahasa Jawa Kuno seperti yang dinyatakan oleh Berg. Beliau berpendapat kemungkinan penyebaran cerita Panji adalah di zaman keagungan Majapahit iaitu di antara tahun-tahun 1350M - 1429M.<sup>22</sup>

Pendapat beliau itu sama seperti pendapat yang pernah diberikan oleh Rassers<sup>23</sup> yang mengaitkan cerita Panji dengan **Pararaton**. Namun begitu di dalam kajian yang lebih kemudian Berg telah menolak beberapa pandangan Poerbatjaraka ini dan mempertahankan pendapatnya yang awal. Harun Mat Piah, di dalam kajiannya (1980) telah mengambil jalan tengah dengan merumuskan kemungkinan masa tercipta dan tersebaranya cerita Panji ke Nusantara ialah di antara tahun-tahun

---

<sup>21</sup> .Poerbatjaraka;op.cit;hal.404

<sup>22</sup> .ibid.hal.405

<sup>23</sup> Rassers; op.cit; hal.140-148

50M-1400M iaitu meliputi zaman keagungan Majapahit; zaman pengwujudan hagian-bagian dari Pararaton sehingga kepada zaman 'relief' seperti yang sebut oleh W.H. Stutterheim itu.<sup>24</sup>

R. O Winstedt dalam pembicaraannya mengenai cerita Panji Melayu; menyebut tentang adanya naskah cerita Panji yang dicatatkan oleh Werndly pada tahun 1736.<sup>25</sup> Oleh itu ternyata cerita Panji yang tertulis telah ada, dikenali dan baca atau diturunkan secara lisan oleh orang-orang Melayu sebelum tarikh tersebut. R. O Winstedt juga menyatakan bahawa cerita Panji mungkin telah dikenali di Melaka dalam abad yang ke 15M. Beliau memberi alasan ini kerana adanya unsur-unsur Panji yang hadir di dalam **Sejarah Melayu**.<sup>26</sup> Pendapat beliau ini dipersetujui oleh Harun Mat Piah walaupun alasan-alasan yang diberikan oleh beliau itu tidak diterima penuhnya.

---

Harun; op.cit; hal.24

R.O Winstedt. 1991. "A History of Classical Malay Literature".  
MBRAS.K.L. hal.31. lihat juga Winstedt  
dalam "Malay Works Known by Werndly" in 1736 A.D. JRAS  
pt.82. hal.163-165

bid.hal.39-40

### **1.5.3.(ii) Kajian Kesusasteraan Terhadap Teks-teks Panji**

Kajian-kajian dari sudut kesusasteraan; yakni yang menggunakan pendekatan sastera untuk mengkaji naskah-naskah cerita Panji agak kecil berbanding pengkajian mengenai teori cerita Panji. Ini kerana masih ramai yang menganggap karya-karya tradisi sebagai tidak mengandungi nilai-nilai kesusasteraan yang tinggi. Di samping itu, kemungkinan ini terjadi kerana kehendak atau kepentingan semasa pengkaji-pengkaji tersebut. Misalnya kajian oleh Rassers telah digunakan oleh pihak penjajah dan pentadbir Belanda untuk memahami dan mendekati masyarakat Jawa.

Poerbatjaraka menganggap Cohen Stuart yang mengkaji Jayalengkara sebagai orang pertama yang meneliti sastera Panji dari sudut sastera. Sementara A. Teeuw pula menganggap kajian Rassers terhadap HCWP sebagai kajian pertama yang menggunakan pendekatan sastera. Pendapat beliau ini telah disangkal oleh para sarjana yang terkemudian<sup>27</sup> kerana Rassers sebenarnya lebih cenderung untuk menelitiannya dari sudut antropologi.

Sehingga kini, bilangan naskah cerita Panji yang diedit dan dikaji atau diterbitkan adalah amat kecil. Di Malaysia, keadaan ini juga dapat digambarkan melalui jumlah para sarjana yang menumpukan perhatian di dalam bidang ini yang sememangnya amat sedikit. Di antara sarjana tempatan yang menjalankan kajian ke

---

<sup>27</sup>. lihat Robson; op.cit.

atas naskah cerita-cerita Panji ialah Abd. Rahman Kaeh. Beliau telah menjalankan kajian filologi dan nilai-nilai sastera serta moral yang terdapat di dalam cerita HMTJK dan **Panji Narawangsa**.

Harun Mat Piah pula kemudiannya telah melakukan kajian perbandingan ke atas babab-babak tertentu beberapa naskah cerita-cerita Panji Melayu dalam usahanya memberikan suatu definisi baru terhadap cerita Panji Melayu tersebut. Ini diikuti oleh Noriah @ Jariah Mohamed yang mengkaji **Panji Jayengtilem**<sup>28</sup> di dalam disertasi sarjana beliau. Di dalam kajiannya beliau telah menyentuh tentang falsafah kehidupan yang dipegang oleh manusia Jawa seperti yang tergambar melalui cerita-cerita Panji. Sebuah lagi kajian yang penting ialah kajian yang dilakukan oleh Rattiya Salleh<sup>29</sup> yang membandingkan cerita-cerita Panji Melayu dengan Panji Thai.

Kajian-kajian yang menggunakan pendekatan filologi ini kebanyakannya menerapkan kaedah yang telah digunakan oleh A. Teeuw semasa meneliti **Shair Ken Tambuhan**. Beliau melihat syair bukan hanya dari sudut struktural yang membinanya tetapi juga nilai-nilai estetika yang terdapat di dalamnya.

---

<sup>28</sup> Noriah Mohamed.1978. “**Panji Jayengtilem**” Tesis M.A.UKM.Bangi.

<sup>29</sup> Rattiya Salleh; 1988.**Panji Thai Dalam Perbandingan Dengan Cerita-cerita Panji Melayu;** DBP.K.L.

Abd. Rahman Kaeh juga misalnya ketika mengkaji HMTJK telah menggunakan pendekatan struktural yang melibatkan penelitian terhadap unsur-unsur sastera seperti tema, watak perwatakan, latar, plot dan gaya bahasa untuk menghasilkan satu kesimpulan bahawa teks tersebut adalah sebuah karya sastera dari lingkungan cerita Panji Melayu.

Zahir Ahmad (1986) dalam kajiannya terhadap teks SA telah membuat perbandingan cerita tersebut dengan cerita Panji dan HSR. Perbandingan-perbandingan tersebut melibatkan tema, plot dan watak serta perwatakan. Beliau membuat rumusan bahawa SA mempunyai persamaan yang jelas dengan CP.<sup>30</sup>

Sementara itu ada teks-teks cerita Panji seperti HMTJK, HPS yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka kini telah dijadikan teks di sekolah pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran. Langkah ini adalah untuk memupuk minat pelajar dan mendedahkan mereka dengan pelbagai genre sastera di samping menerapkan pendekatan kesusasteraan bagi menganalisa teks tersebut.

---

<sup>30</sup> .lihat Zahir Ahmad. 1986. "Syair Agung: Analisis Perbandingan Dan Penurunan Teks" jil.1. Disertasi M.A.; JPM.UM.K.L. hal.246-325.